

Panggilan Kecemasan 999

Selepas tempat kemalangan itu kita elakkan, kita perlu _____ nombor talian kecemasan itu. Kita juga mestilah _____ butiran peribadi. Kemudian, _____ lokasi kemalangan itu kepada pihak polis. Maklumat yang tepat hendaklah kita _____ agar dapat memudahkan _____ ke tempat kejadian. Jangan sesekali kita membuat _____ palsu. Perbuatan itu patut kita _____.

mendail

penyelamat

jelaskan

terangkan

jauhi

panggilan

ubahkan

memberitahu

Keselamatan Perkelahan di Pantai

Keselamatan perkelahan di pantai perlu **ditikberatkan** oleh setiap pengunjung. Langkah berjaga-jaga amat perlu bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Sebelum ke tempat perkelahan, kita perlu **menyemak** laporan kajian cuaca. Kita tidak digalakkan berada di pantai ketika angin **kencang**, hujan lebat dan petir. Keadaan cuaca sedemikian membahayakan keselamatan kita.

Ketika **merancang** perkelahan, peringatan awal tentang keselamatan ketika bermain di tepi pantai harus diberikan kepada anggota keluarga. Sebagai contohnya, anggot keluarga patut kita **ingatkan** supaya menjauhi ombak yang besar.

Seterusnya, kita patut memilih Kawasan yang dekat dengan pengawal keselamatan pantai yang berada di **menara** kawalan. Kita juga mestilah memakai pakaian renang yang berwarna cerah semasa berenang atau bermain di pantai.

Selain itu, kita mestilah berwaspada akan **arus** ombak serta hidupan laut. Elakkan tempat yang berbahaya agar tidak terpijak kerrang-kerangan atau terkena **sengatan** ubur-ubur.

Setiap anggota keluarga perlu memainkan peranan untuk menjaga keselamatan diri agar dapat **kecelakaan** dapat dielakkan.

awalan	akhiran